

GARIS PANDUAN
NORMA AGIHAN DAN TATACARA PENGGUNAAN BAGI CAPAIAN INTERNET,
E-MEL DAN BROADBAND TANPA WAYAR BAGI TUJUAN PENGURUSAN DAN
PENTADBIRAN KPM

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk menyediakan satu garis panduan berkaitan norma pengagihan dan tatacara penggunaan bagi capaian internet, e-mel rasmi dan *broadband* tanpa wayar (*Wireless Broadband*) bagi kakitangan Pengurusan dan Pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia.

2. DEFINASI

- 2.1. Internet adalah infrastruktur saluran global dan merupakan punca maklumat yang tidak terkawal.
- 2.2. Mel elektronik atau e-mel adalah merupakan aplikasi yang membolehkan pengguna berkomunikasi antara satu dengan lain dalam bentuk mesej elektronik. Aplikasi e-mel ini digunakan secara meluas dan membenarkan komunikasi lebih daripada dua hala dengan cara yang pantas dan lebih sesuai untuk penulisan yang ringkas.
- 2.3. *Broadband* Tanpa Wayar adalah teknologi yang menyediakan rangkaian data dan internet tanpa wayar berkelajuan tinggi yang boleh dicapai melalui rangkaian luas.

3. LATARBELAKANG

- 3.1. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan maklumat dihantar dan diterima dengan pantas. Kemudahan ini telah menyumbangkan kepada penggunaan Internet, e-mel dan *broadband* tanpa wayar secara meluas dalam menyokong pelaksanaan tugas harian dalam Perkhidmatan Awam.

- 3.2. Sehubungan itu, satu garis panduan mengenai norma pengagihan dan tatacara penggunaan yang jelas perlu diwujudkan bagi menyokong kepada penggunaan kemudahan-kemudahan ini secara berkesan oleh pegawai KPM.
- 3.3. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) Bilangan 3 Tahun 2009 (JPICT KPM Bil.3/2009) pada 21 Mei 2009 telah mengambil keputusan supaya Garis Panduan dan Norma Agihan Tatacara Penggunaan capaian internet, e-mail dan *broadband* tanpa wayar ini diterima pakai untuk kegunaan pegawai dan kakitangan bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran di KPM.
- 3.4. Dalam menyediakan garis panduan ini, rujukan juga telah dibuat kepada dokumen-dokumen rasmi yang berikut:
 - a) Malaysia Public Sector Management of Information and Communications Technology Security Handbook (MyMIS) bertarikh 15 Januari 2002
 - b) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil.1 Tahun 2003, Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet & Mel Elektronik Di Agensi-agensi Kerajaan bertarikh 28 November 2003
 - c) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU, Langkah-Langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik Di Agensi-Agensi Kerajaan, berujukan UPTM 159/526/9 Jld.4(59), bertarikh 1 Jun 2007

4. SEBAB-SEBAB KAWALAN PENGAGIHAN DAN PENGGUNAAN DIPERLUKAN

- 4.1. **Capaian dan penggunaan internet yang tidak terkawal boleh:-**
 - a) Menyebabkan kesesakan laluan dan gangguan kepada aplikasi-aplikasi rasmi Kerajaan.
 - b) Menyebabkan produktiviti organisasi dan kakitangan menurun akibat masa yang panjang diperuntukkan semasa melayari Internet.
 - c) Merosakkan imej Agensi dan Perkhidmatan Awam dengan melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tatacara penggunaan Internet seperti

dinyatakan dalam PKPA Bil.1 Tahun 2003 Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet & Mel Elektronik Di Agensi-agensi Kerajaan bertarikh 28 November 2003.

- d) Ancaman kepada keselamatan maklumat dan peralatan ICT organisasi kerana capaian kepada laman-laman di Internet yang boleh mendedahkan kepada ancaman siber.

4.2. **E-mel**

- a) Penggunaan e-mel rasmi tanpa kawalan boleh mendedahkan maklumat rasmi jabatan.
- b) Merosakkan Imej Agensi dan Perkhidmatan Awam dengan melakukan sebarang aktiviti yang melanggar tatacara penggunaan e-mel rasmi kerajaan seperti di nyatakan dalam PKPA Bil.1 Tahun 2003 Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet & Mel Elektronik Di Agensi-agensi Kerajaan bertarikh 28 November 2003.

4.3. **Broadband Tanpa Wayar**

- a) Perolehan *Broadband* tanpa wayar yang dibuat tanpa kawalan akan memberi kesan kepada kewangan organisasi.
- b) Ancaman kepada keselamatan dan kesahihan maklumat kerana pengguna terdedah kepada ancaman serangan siber.

5. **NORMA AGIHAN DAN TATACARA PENGGUNAAN**

- 5.1 Norma agihan yang telah ditetapkan bagi agihan capaian internet, e-mel dan broadband tanpa wayar adalah seperti di Lampiran A
- 5.2 Tatacara penggunaan internet, e-mel dan broadband tanpa wayar adalah tertakluk kepada Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2003 – Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet & Mel Elektronik Di Agensi-agensi Kerajaan bertarikh 28 November 2003.

6. KELULUSAN

Garis Panduan ini hendaklah dijadikan asas oleh Ketua Bahagian dan Jabatan dibawah KPM dalam pertimbangan penyediaan kemudahan internet,e-mail dan broadband tanpa wayar kepada pegawai dan kakitangan di bahagian dan jabatan masing-masing.

Lampiran A

Bil.	Perkara	Agihan	Catatan
1	Capaian Internet	<ul style="list-style-type: none"> • Pengagihan adalah mengikut Agihan Peralatan ICT Bagi Tujuan Pengurusan dan Pentadbiran (P&T) di Kementerian Pelajaran Malaysia. 	<ul style="list-style-type: none"> • Jawatan Gred 11 dan ke atas adalah layak untuk mendapat akses internet. • Jawatan Gred 1 – 10 adalah layak untuk mendapat akses internet, tetapi menggunakan 1 PC bagi setiap 4 personel. (sekiranya ada keperluan dan mendapat kelulusan Ketua Jabatan)
2	E-mel	<p>Semua kakitangan KPM layak memiliki akaun e-mel tetapi tertakluk kepada syarat – syarat dibawah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kakitangan dibawah P&T MOE; dan • Memohon secara rasmi menggunakan borang seperti di <u>Lampiran B</u>; dan • Mendapat kelulusan Ketua Jabatan atau pegawai yang di turun kuasa. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Kontrak dan Pegawai Khidmat Sambilan layak memiliki akaun email, dengan syarat bagi tempoh selama 6 bulan. Selepas tempoh berkenaan perlu kelulusan Ketua Jabatan untuk penyambungan akaun e-mel. • Akaun e-mel yang tidak aktif dalam tempoh 3 bulan, akan dibekukan. • Akaun e-mel yang tidak aktif dalam tempoh 6

Bil.	Perkara	Agihan	Catatan
			<p>bulan , akan dihapuskan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan/Bahagian adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pentadbir e-mel bagi membuat kemaskini akaun pegawai yang bertukar atau berpindah keluar dari organisasi.
3	<i>Broadband</i> Tanpa Wayar	<p>Jabatan boleh membuat perolehan <i>broadband</i> tanpa wayar tertakluk kepada syarat – syarat di bawah :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membuat kerja rasmi di luar jabatan; dan • Perlu akses kepada aplikasi rasmi jabatan /kementerian (online aplikasi); dan • Keperluan yang mendesak; dan • Bahagian/Jabatan mempunyai peruntukan kewangan; dan • Penggunaan <i>wireless broadband</i> dalam organisasi adalah secara gunasama. • Mendapat kelulusan Urusetia JPICT 	<ul style="list-style-type: none"> • Perolehannya adalah bukan atas jawatan.